

**Mukhriz Menteri Pertama Tandatangani Aku Janji Ketelusan Selepas PM Bernama
8 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Mahathir menjadi menteri pertama menandatangani Ikrar Integriti Pilihan Raya Transparency International selepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau menyifatkan aku janji ketelusan pilihan raya itu sebagai sesuatu yang penting kerana setiap warga Malaysia inginkan proses pilihan raya yang berjalan lancar, bebas daripada sebarang unsur-unsur salah guna kuasa dan rasuah.

"Bukan niat saya untuk menandatangani ikrar ini agar saya boleh menawarkan diri sebagai calon tetapi kerana saya rasa ia adalah sesuatu yang penting. Tidak ada masalah jika nama saya tiba-tiba digugurkan," katanya pada sidang akhbar di sini Isnin.

Mukriz berkata beliau melihat aku janji itu sebagai satu usaha yang seiring dengan kepercayaannya selama ini, dan berpendapat integriti adalah nilai murni yang perlu diutamakan dalam segala aspek kehidupan, lebih-lebih lagi proses demokrasi.

Mukriz, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, berkata manifesto negeri itu sudah 95 peratus siap dengan fokus pertama ialah ekonomi.

"Kita mahu ekonomi Kedah melonjak ke tahap yang lebih membanggakan dan memberi lebih banyak peluang kepada rakyatnya," katanya.

Beliau juga berkata BN Kedah akan memastikan tumpuan diberi kepada kehendak atau keperluan setiap segmen masyarakat seperti belia, peniaga, wanita dan orang kelainan upaya.

"Kita telah banyak berjumpa dengan kumpulan ini untuk mendapat maklum balas daripada mereka, dan mereka telah banyak mengemukakan idea yang bernas, yang mana kita telah masukkan ke dalam manifesto kita," katanya.

Bagaimanapun, Mukhriz berkata BN Kedah akan memastikan tiada pertindihan intipati manifesto negeri dengan yang di peringkat nasional.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940461>